

TOKYO, 14 Mei (Bernama) -- Malaysia hanya mengalami kesan yang minimum dari segi pelaburan Jepun sejak berlakunya kelembapan dalam ekonomi Jepun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hari ini.

Ini kerana Malaysia berupaya mengekalkan pertumbuhannya sepanjang tempoh kelembapan ekonomi Jepun yang singkat itu, beliau memberitahu para wartawan Malaysia di sini.

Dr Mahathir berada di Jepun untuk menghadiri persidangan antarabangsa mengenai "Peranan Asia Dalam Order Dunia Yang Berubah". Beliau menyampaikan ucapan dasar pada persidangan itu semalam. Perdana Menteri turut berbincang dengan rakan sejawatannya, Encik Kiichi Miyazawa, petang semalam.

Ketika memberikan taklimat kepada para wartawan Malaysia mengenai perbincangan itu, Dr Mahathir berkata bahawa tentunya berlaku beberapa kesan keatas akibat kelembapan ekonomi Jepun itu dari segi pelaburan Jepun ke Malaysia.

"Bagaimanapun, kita senang hati bahawa kemelesetan di Jepun sudah berakhir dan negara itu sedang pulih dan dengan yang demikian, kita menjangkakan pelaburan yang baru dari Jepun akan mengalir ke Malaysia," tambahnya.

"Oleh kerana mereka sedang pulih, saya rasa kedudukan mereka lebih baik."

Perdana Menteri berkata, perbincangan itu turut menyentuh masalah-masalah pembangunan di Malaysia memandangkan Jepun sudah mengeluarkan Kuala Lumpur daripada senarai negara-negara yang layak menerima pinjaman bersyarat mudah daripada Tokyo dan cara-cara untuk mengatasi masalah itu.

Katanya, Miyazawa mencadangkan supaya Malaysia menumpukan perhatian kepada projek-projek yang mungkin layak mendapat pinjaman bersyarat mudah Jepun.

Dr Mahathir berkata, beliau menjelaskan bahawa banyak projek infrastruktur di Malaysia adalah bertujuan untuk menyokong pelaburan asing.

"Bagi setiap dolar pelaburan asing yang mengalir masuk ke Malaysia, kerajaan terpaksa menyediakan sekurang-kurangnya 10 peratus nilai infrastruktur dan memandangkan terdapat pelaburan Jepun di Malaysia, kita sebenarnya menyokong pelaburan Jepun," tambahnya.

Apabila diminta menghuraikan lebih lanjut kenyataan pada persidangan semalam bahawa G-7 (kumpulan tujuh negara perindustrian utama) harus lebih memberikan perhatian kepada kepentingan negara-negara lain dan tidak hanya kepada kepentingan negara sendiri, Perdana Menteri berkata, "Inilah yang kita bimbangkan, iaitu G-7 terlalu pentingkan diri sendiri dan tidak memperdulikan negara-negara lain atau tidak langsung memperdulikan kesan keputusan atau strategi mereka terhadap dunia."

Dr Mahathir menambah kata, satu contoh ialah ide mereka bahawa dengan menilai semua yen, mereka dapat mengurangkan lebih dagangan Jepun.

Akibatnya, rakyat Jepun hanya meningkatkan kecekapan mereka supaya mereka menanggung peningkatan kos yang paling kurang dan terus berdaya saing.

"Sebenarnya, saya difahamkan bahawa rakyat Jepun sedang menimbangkan kadar tukaran asing pada asas 100 yen bagi satu dolar AS," katanya, sambil menambah kata bahawa Jepun akan membuat penyelarasan supaya daya saingan mereka tidak berkurangan.

Dalam beberapa minggu lepas, yen Jepun meningkat tinggi berbanding dengan dolar dan dolar kini berlegar sekitar 110 yen. Berbanding dengan ringgit, yen mengatasi paras RM2.35 bagi setiap 100 yen.

Dr Mahathir berkata kesan pengesuaian yang dibuat oleh Jepun itu, sudah tentu, lebihannya akan berkekalan. Bagaimanapun, hutang negara-negara membangun seperti Malaysia akan meningkat. -- lagi

EK

ECONEWS

MAHATHIR: MALAYSIA 2 TOKYO (akhir)

Ditanya mengenai aliran ke arah dagangan yang diurus oleh beberapa negara maju, beliau berkata bahawa ini sebabnya Malaysia mencadangkan penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

"Kumpulan negara-negara Asia Timur harus mempunyai kuasa untuk mempengaruhi sikap blok-blok perdagangan seperti Kesatuan Eropah dan negara-negara Amerika Utara," katanya.

"Tetapi, jika kita tidak mempunyai kuasa itu, mereka akan terus mengaturkan perdagangan."

Mengenai kemungkinan AS. berpusing balik daripada semua pendiriannya yang dicapai pada Pusingan Uruguay bagi rundingan perlonggaran perdagangan pelbagai hala, selepas Ketua Pengarah GATT, Arthur Dunkel meletakkan jawatan seperti yang dijangkakan dalam beberapa bulan akan datang, Dr Mahathir berkata, "Sebarang langkah berpatah balik hanya akan memburukkan keadaan". -- Bernama

EK

ECONEWS